

Najib Pelawa Orang Ramai Berkongsi Idea Mengenai Belanjawan 2014
Bernama
19 Ogos, 2013

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mempelawa orang ramai memberi pendapat dan berkongsi maklum balas mengenai Belanjawan 2014.

Najib, yang juga Menteri Kewangan berkata maklum balas daripada orang ramai itu adalah selaras dengan komitmen beliau untuk membentuk belanjawan yang diinspirasikan oleh rakyat.

"Salam 1Malaysia! Tahun lepas idea dan saranan anda telah digunakan dalam beberapa polisi dalam Belanjawan 2013," katanya dalam entri terbaharu Facebooknya.

Belanjawan 2014 dijadual dibentangkan di Dewan Rakyat pada 25 Okt ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971050>